

# Kerajaan tetap agresif capai kemiskinan sifar

BA- 5/7/2007

## PM gesa rakyat semua kaum bantu jayakan program

Oleh Saufi Hamzah

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengulangi kesungguhan kerajaan dalam membasmi kemiskinan serta meminta semua pihak, termasuk rakyat tanpa mengira kaum dan agama, membantu menjayakan usaha murni itu.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi dasar kerajaan sejak dulu untuk membasmi kemiskinan dan akan sentiasa gigih melaksana serta mencapai agenda berkenaan.

"Tidak ada perasaan tidak serius untuk membasmi kemiskinan. Sejak merdeka, kadar rakyat miskin ialah 60 peratus, tetapi pada tahun kita meraikan kemerdekaan negara ke-50 angka itu menurun kepada 5.7 peratus.

"Ia satu kejayaan besar dicapai rakyat negara ini. Malah, laporan pembangunan millenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menunjukkan Malaysia negara pertama berjaya membasmi kemiskinan dalam negara," katanya ketika berucap pada Malam Sejuta Harapan ke-5 anjuran Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) di Menara Kuala Lumpur, di sini, malam tadi.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, Pengerusi YBK, Datuk Zainal Abidin Sakom dan Pengasas YBK, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Majlis itu bertujuan mengutip dana untuk membina pusat didikan kanak-kanak istimewa YBK yang dijangka membabitkan kos kira-kira RM28 juta.

Abdullah berkata, kerajaan sentiasa agresif untuk mencapai kemis-



**MASIH DIRAI:** Abdullah dan Jeanne memotong kek sempena meraikan perkahwinan mereka sambil diperhatikan Zainal Abidin pada majlis Malam Sejuta Harapan Kelima anjuran YBK, di pekarangan Menara Kuala Lumpur, malam tadi.

kinan sifar pada 2010 yang secara automatik akan menghapuskan golongan miskin tegar.

Katanya, usaha membasmi kemiskinan bukan semata-mata peranan kerajaan, tetapi menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang perlu sama-sama berperanan membantu golongan berkenaan.

"Bagi orang Islam menolong golongan miskin adalah satu amal salih yang cukup tinggi, terutama mem-

beri pelajaran kepada mereka untuk menjadi manusia berkebolehan dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara dan golongan senasib," katanya.

Abdullah berkata, YBK adalah contoh terbaik yang melaksanakan pelbagai program selama lebih 17 tahun untuk membantu golongan kurang bernasib baik.

"Kerajaan berasa terhutang budi atas usaha YBK selama ini dan berharap yayasan itu terus melaksana-

kan usaha untuk mengeluarkan golongan kurang bernasib baik daripada putaran ganas kemiskinan," katanya.

Pada majlis berkenaan, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Tokoh Basmi Kemiskinan kepada Penasihat Kementerian Kema-

juan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Paduka Rahmah Abu Kassim. Beliau turut menyerahkan kunci bas kepada Asrama Kasih Kampung Serendah, Selangor.